Akademika 96(3), October 2026
https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-09

Pencairan Varian Persisiran Pantai Kelantan-Terengganu Berasaskan Pemerian Variasi Leksikal ’Sangat Hijau’

Dialect Attrition along the Kelantan-Terengganu Coastline Based on the Description of 'Sangat Hijau' (Very Green) Intensifier Lexical Variations

SHAHIDI A.H.*, NURUL SHUHADA SHAFIE, FATEEN NABILLA RASLI &
MD. SHAFIIN SHUKOR

Received:26-1-2026 /Accepted: 9-9-2026

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan memerihalkan fenomena pencairan dialek berdasarkan penggunaan variasi kata penguat atau kata kesangatan dalam frasa adjektif yang dituturkan di persisiran pantai Kelantan dan Terengganu berasaskan pendekatan dialektologi geografi. Kajian ini dikendali secara deskriptif dengan memanfaatkan kaedah kualitatif dengan menebarkan variasi leksikal adjektif kesangatan /saŋat hiʤaw/ yang dituturkan di sepanjang persisiran pantai Kelantan hingga ke Terengganu. Seramai 60 orang informan daripada 30 buah kampung di persisiran pantai Kelantan dan Terengganu dilibatkan dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sembilan varian data leksikal kesangatan [saŋat hiʤaw] dan varian ini dipetakan dengan berbantukan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kajian ini mendapati bahawa terdapat pencairan dialek dalam lingkungan kawasan persisiran pantai Besut dan Kemaman. Faktor pencairan yang dikenal pasti antara lainnya ialah mobiliti penutur, perkahwinan dan sektor ekonomi. Penyebaran variasi leksikal kesangatan ini cukup membuktikan bahawa dialek persisiran pantai di kawasan Kelantan-Terengganu cenderung mencair hasil dari perkembangan sosial mengikut peredaran masa. Di samping membuktikan fenomena pencairan, kajian ini juga berusaha untuk memerihalkan data leksikal melangkaui persempadanan negeri dalam lingkungan kawasan persisiran pantai timur semenanjung Malaysia dengan memanfaatkan perisian GIS. Hal ini berbeza dengan kajian terdahulu yang hanya memanfaatkan data leksikal secara berkelompok mengikut negeri. Selain menyajikan buah pandangan baharu terhadap leksikal kesangatan, kajian ini diharapkan menjadi satu nilai tambah kepada kajian dialektologi khususnya dialektologi geografi.

Kata kunci: adjektif; kata kesangatan; pencairan dialek; persisiran pantai timur semenanjung Malaysia; variasi

ABSTRACT

This paper aims to describe the phenomenon of dialect attrition based on the use of intensifier variations within adjective phrases spoken along the coastal areas of Kelantan and Terengganu, employing a geographical dialectology approach. This descriptive study utilizes a qualitative method by mapping the lexical variations of the intensifier adjective /saŋat hiʤaw/ spoken across these coastal regions. A total of 60 informants from 30 villages along the Kelantan and Terengganu coasts participated in this study. The findings reveal nine variants of the lexical intensifier data [saŋat hiʤaw], which were mapped using Geographic Information System (GIS) software. The study identifies dialect attrition within the coastal areas of Besut and Kemaman, driven by factors such as speaker mobility, marriage, and the economic sector. The distribution of these lexical variations demonstrates that coastal dialects in the Kelantan-Terengganu region tend to undergo attrition resulting from social development over time. Furthermore, by utilizing GIS software, this study attempts to describe lexical data across state boundaries within the east coast coastal environment of Peninsular Malaysia, contrasting with previous studies that grouped lexical data solely by state. In addition to offering new insights into intensifier lexicons, this study aims to contribute value to the field of dialectology, specifically geographical dialectology.

Keywords: adjectives; superlatives; dialectal dilution; eastern coast of the Malaysian peninsula; variation

PENGENALAN

Negeri Kelantan dan Terengganu merupakan dua buah negeri yang terletak di Semenanjung Malaysia berhadapan dengan laut China Selatan dari arah timur laut. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor muka bumi seperti pantai dan laut menjadi daya tarikan utama negeri-negeri ini. Menariknya, kawasan persisiran pantai ini juga dikatakan antara pusat ketamadunan Melayu yang terawal dan menjadi tempat persinggahan para pedagang luar sejak sebelum 577H (Mohd Zahirwan & Norhayati, 2018). Ketamadunan ini juga memberi impak kepada variasi bahasa yang dituturkan di kawasan persisiran pantai. Menurut Asmah (2015), kawasan bertamadun merupakan kawasan pusat penyebaran bahasa yang menyebarkan bahasa pertuturannya kepada kawasan sekitarnya. Selari dengan teori gelombang Schmidt (1872), kawasan yang lebih dekat dengan kawasan pusat bahasa memperoleh tekanan pengaruh bahasa yang lebih kuat berbanding kawasan yang lebih jauh (Nandang 2014). Bagi dialek Kelantan dan dialek Terengganu, Kota Bharu dan Kuala Terengganu dianggap sebagai pusat standardisasi dialek (Nurul Shuhada et al. 2023). Kawasan jaluran persisiran pantai juga tidak terkecuali menerima pengaruh ciri dialek daripada kawasan pusat dialek tersebut.

Varian persisiran pantai Kelantan (VPPK) dan varian persisiran pantai Terengganu (VPPT) merupakan ragam varian yang dituturkan di sepanjang persisiran pantai negeri-negeri tersebut. Keunikan varian-varian yang dituturkan di kedua-dua kawasan ini terserlah melalui kepelbagaian variasi leksikal yang dicipta oleh penuturnya dengan kesungguhan untuk memberi gambaran makna kepada sesuatu keadaan atau situasi kepada pendengar. Hal ini dapat dilihat pada kehadiran kata yang menunjukkan tahap kesangatan (i.e. kata yang diujarkan selepas ujaran kata adjektif) yang dituturkan di kawasan varian ini.

Kata adjektif atau kata sifat secara ringkasnya ialah kata yang menerangkan sifat dan gambaran keadaan kepada kata nama. Antara kata adjektif yang sering digunakan dalam pertuturan bahasa Melayu ialah ’cantik’, ’pandai’, ’busuk’ dan ’tinggi’. Menurut Nor Hafizah & Normaliza (2016), di samping berfungsi sebagai unsur inti kepada binaan frasa adjektif, kata adjektif juga diiringi dengan kata keterangan yang lain. Kata adjektif dalam bahasa Melayu Standard (BMS) biasanya boleh digandingkan dengan kata penguat oleh penutur atas tujuan memberi penekanan dan lebih keterangan kepada sifat kata adjektif. Nik Safiah et al. (2011) menjelaskan bahawa terdapat tiga darjah perbandingan yang dapat digunakan untuk menerangkan kata adjektif bahasa Melayu iaitu darjah biasa, darjah bandingan dan darjah penghabisan. Kata adjektif untuk menyampaikan konteks darjah penghabisan biasanya diiringi dengan kata penguat ’sangat’, ’sekali’, ’amat’, ’paling’ dan ’sungguh’. Terdahulu dari itu, tingkat darjah perbandingan telahpun dibangunkan oleh Asmah (2009) sebagai panduan untuk penggunaan kata penguat dalam frasa adjektif bahasa Melayu. Menurut beliau, darjah penghabisan dikenali sebagai tingkat kepalingan atau kesangatan terbentuk melalui dua struktur utama iaitu struktur gabungan kata penguat kesangatan dengan kata adjektif dan frasa adjektif yang dipadankan dengan morfem awalan ’-ter’. Berdasarkan pandangan Asmah (2009), kata kesangatan dalam dialek Melayu cenderung muncul dalam bentuk struktur pertama namun kedudukan kata penguat kesangatan biasanya terletak di belakang kata adjektif. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun kedua-duanya berfungsi sebagai keterangan kepada kata adjektif, kata penguat dan kata kesangatan mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari segi kedudukan dan pola penggunaannya.

Terdapat juga beberapa ciri lain yang membezakan kata kesangatan daripada kata penguat standard iaitu dari segi sifat sintaksis, intensiti semantik dan penggolongan kelas kata. Dari sudut sintaksis, kata penguat dirujuk sebagai kata yang boleh berdiri sendiri manakala kata kesangatan

memerlukan kata adjektif untuk menyampaikan peranannya dengan baik. Nur Sufiah & Maslida (2020) menegaskan bahawa kata kesangatan yang ditemui dalam dialek Melayu Terengganu memerlukan gandingan kata adjektif sebagai inti untuk hadir sebagai adverba bagi menyampaikan makna. Manakala hal ini tidak terjadi pada kata penguat standard yang digunakan dalam bahasa Melayu. Selain itu, kata penguat juga mempunyai ciri-ciri reduplikasi dan dikonsepkan sebagai kata sifat berganda oleh Ajid (1985). Kata kesangatan, sebaliknya, hanya muncul dalam bentuk tunggal tanpa memperlihatkan ciri penggandaan dan reduplikasi. Ketetapan bentuk ini juga menggambarkan sifatnya yang lebih khusus serta penggunaannya yang terbatas kepada adjektif-adjektif tertentu sahaja.

Dari sudut intensiti semantik pula, kata penguat standard tidak mempunyai banyak variasi dan kurang ekspresif berbanding kata kesangatan. Misalnya, ’paling’ dan ’amat’ boleh digunakan untuk semua kata adjektif untuk mengambarkan darjah penghabisan dalam frasa BMS. Kata kesangatan yang ditemui dalam dialek Melayu pula lebih *reserved* atau khusus kerana penggunaannya lazimnya terbatas kepada kata adjektif tertentu sahaja. Kata kesangatan juga tidak boleh digabungkan secara bebas dengan semua adjektif seperti kata penguat standard sebaliknya ia hanya muncul dengan adjektif yang membawa sifat yang boleh ditegaskan secara intensif atau ekspresif (Yusniza et al. 2022). Selain itu, kata penguat standard hadir dalam kelas kata tugas manakala kata kesangatan berupaya hadir dalam pelbagai golongan kata seperti kata kerja, kata nama dan kata penguat.

Pada dasarnya, kata kesangatan terbit dari fungsi yang sama dengan kata penguat. Namun, kata kesangatan lebih kerap digunakan oleh penutur dialek Melayu berbanding penutur bahasa Melayu Standard. Kata kesangatan ini turut dikenali dengan pelbagai panggilan lain oleh para pengkaji lepas. Norliza (2018), misalnya, mengklasifikasikan ia sebagai kata sifat bersama penanda intensiti. Nur Sufiah & Maslida (2020) pula menamakan hal ini sebagai frasa kesangatan berdasarkan tatatingkat perbandingan yang dibina oleh Asmah (2009). Kajian ini pula memilih untuk mengekalkan istilah kata kesangatan kerana data dan tumpuan kajian adalah unsur leksikal khusus yang menandai tahap intensiti tertinggi dalam frasa adjektif. Selain itu, penggunaan istilah tersebut membolehkan kajian ini berupaya membuat perbezaan secara jelas antara kategori *intensifier* umum dengan bentuk *intensifier* dialektal yang lebih pelbagai, sifat eksklusif dan keterikatannya dengan kata adjektif tertentu. Pendefinisian ini menjadi asas kepada analisis yang lebih tuntas terhadap pola penyebaran dan keunikan fungsi kata kesangatan dalam dialek Melayu persisiran pantai Kelantan – Terengganu.

Leksikal kesangatan merupakan salah satu ciri linguistik yang unik dalam dialek Pantai Timur serta telah digunakan secara turun-temurun oleh masyarakat setempat. Dengan hal demikian maka leksikal ini sesuai dijadikan penunjuk untuk mengesan sama ada berlakunya proses pencairan dialek dalam kalangan varian yang dituturkan di sepanjang persisiran pantai Kelantan dan Terengganu. Hakikatnya, konsep pencairan dialek atau varian sudah lama dibincangkan secara langsung atau tidak langsung dalam kajian dialektologi geografi. Kerswill (2003) menjelaskan bahawa proses pencairan dialek atau pelevelan dialek ialah fenomena yang menyebabkan sesebuah dialek kehilangan ciri-ciri dialek tempatan sebelum digantikan dengan ciri-ciri dialek lain yang lebih luas penyebarannya. Mohd Tarmizi dan Mohammad Khairulanwar (2024) menyatakan bahawa proses pelevelan berlaku seiring dengan proses peminjaman, iaitu apabila dialek yang meminjam melakukan penyesuaian terhadap sistem linguistiknya supaya sejajar dengan sistem linguistik dialek yang menjadi sumber peminjaman.

Keistimewaan leksikal kesangatan wajar dikupas dari sudut pandang dialektologi geografi (meneliti penyebaran penggunaan leksikal berkenaan) dengan menjadikan faktor topografi sebagai salah satu faktor penyebaran varian. Pada dasarnya, dialektologi geografi merupakan satu disiplin ilmu yang memerihalkan variasi pertuturan dialek pada satu tempoh tertentu dengan beberapa matlamat yang khusus iaitu mengenal pasti ciri linguistik dialek tumpuan dan seterusnya membuat pemetaan berdasarkan ciri pembeza dialek tersebut. Pendekatan ini, justeru, wajar dimanfaatkan bagi mengenal pasti sama ada proses pelevelan atau pencairan dialek berlaku dalam penggunaan leksikal kesangatan. Pendekatan ini membolehkan penyebaran sesuatu varian linguistik dapat dianalisis berdasarkan taburan ruang dan hubungannya dengan faktor geografi, sekali gus memperlihatkan pola kesinambungan, penyebaran atau pencairan dialek.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF

Kehadiran kata penguat selepas kata adjektif merupakan suatu fenomena sintaksis dan semantik yang tidak asing malah sering ditemui dalam pertuturan bahasa Melayu Standard (BMS). Kebiasaanya, leksikal ’sangat’, ’amat’ dan ’paling’ menjadi pilihan untuk dimanfaatkan oleh penutur BMS dalam frasa adjektif untuk menegaskan hal yang bersifat ekstrem atau keterlaluan. Bagi sesetengah dialek, kata penguat yang digunakan tidak terhad dan berbeza mengikut leksikal adjektif atau kata sifat yang hendak diterangkan. Namun, aspek luar biasa ini masih belum diterokai sepenuhnya oleh pengkaji dialektologi lepas. Terdapat beberapa kajian awal yang dikenal pasti telah merekodkan pengunaan variasi kata penguat dalam dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu. Tetapi kebanyakan kajian tersebut membincangkan kata penguat dari kaca mata subdisiplin sintaksis dan semantik misalnya kajian Nasrun & Rusydiah (2019) dan Nur Sufiah & Maslida (2020). Kajian lepas ini telah menghuraikan pola kedudukan dan makna kata kesangatan namun data linguistik tersebut masih belum diuji dengan potensi unsur ini sebagai penanda pembeza dialek atau sebagai ciri linguistik yang dapat memetakan sempadan dan zon peralihan dialek secara reruang. Sebagai tambahan, pola perbincangan kata adjektif bersama gandingan kata penguat dalam kajian lepas lebih banyak berasaskan disiplin linguistik tunggal dan kurang meneliti dimensi penyebaran geografi leksikal tersebut.

Selain permasalahan dari sudut leksikal kesangatan, kajian dialektologi geografi tempatan turut mempunyai kelompongan yang perlu ditambah baik khususnya dari sudut metodologi dan skop kawasan kajian. Skop kawasan kajian dialek yang melibatkan pemetaan varian berbantukan perisian GIS lazimnya adalah terbatas atau tertumpu kepada satu-satu negeri sahaja. Situasi penelitian seperti ini, antara lainnya, termasuklah kajian oleh Nor Hashimah (2018), Shahidi et al. (2020) dan Khairul Ashraaf et al. (2019). Kaedah penelitian seperti ini, secara tidak langsung, menampakkan sifat ’jumud’ kepada sempadan politik (i.e. sempadan negeri). Ia jelas bercanggah dengan prinsip dasar dalam pemetaan varian berasaskan ilmu dialektologi. Teori gelombang Schmidt (1872) serta pandangan Asmah (2015) jelas membuktikan bahawa dialek berkembang secara berterusan dan tidak mematuhi sempadan politik sesuatu kawasan.

Jika kita mengambil kira hemat Asmah (2015) yang menyatakan bahawa dialek tidak mempunyai sempadan tetap maka peta varian yang dihasilkan perlu melangkaui persempadanan negeri. Keterikatan penetapan kawasan terhadap satu-satu negeri sepertimana yang diperlihatkan dalam kosa ilmu kajian dialek, secara langsung, telah menghadkan kefahaman manusia terhadap dinamika ’penyebaran dialek rentas kawasan’ serta menyukarkan pengesanan fenomena pencairan dan asimilasi dialek secara lebih menyeluruh, tuntas dan mendalam. Tambahan pula, fenomena pencairan dialek yang terjadi disebabkan oleh migrasi dan sebagainya (faktor atau penunjuk yang sering disebut-sebut dalam kajian-kajian lepas), ini jarang diuji secara empirikal melalui pemetaan

variasi leksikal yang konkrit. Justeru, unsur leksikal kesangatan yang bersifat unik dan bervariasi dalam kalangan penutur kawasan zon Pantai Timur berpotensi besar untuk dijadikan sebagai penunjuk awal kepada sifat dinamika varian, pengaruh faktor sosial dan reruang, serta sifat ketekalan dialek.

Sesungguhnya, dinamika penyebaran variasi leksikal ini juga memberi kesan kepada ketekalan sesebuah dialek. Varian yang menunjukkan kehadiran ciri pengaruh dialek lain akan berpotensi untuk berubah dan berasimilasi sekali gus menyebabkan tercetusnya pencairan dialek terhadap dialek yang asal atau utama. Namun demikian, kebenaran jangkaan dan kesahihan potensi ini masih belum lagi diterokai secara sistematik khususnya dalam konteks jaringan dialek Melayu persisiran pantai Kelantan–Terengganu. Justeru, kajian ini berusaha untuk menghasilkan sebuah penelitian yang mengabungkan data dari dua negeri (i.e. melangkaui sempadan sebuah negeri sahaja) bagi memperlihatkan penyebaran varian leksikal pada lingkungan kawasan yang lebih luas.

Seterusnya, terdapat anggapan bahawa kawasan persisiran pantai lazimnya dianggap kurang bervariasi. Anggapan ini menyebabkan kawasan persisiran pantai sering dilihat sebagai homogen dari sudut pertuturan sedangkan hakikatnya kawasan ini merupakan zon interaksi linguistik yang aktif akibat mobiliti tinggi, jaringan ekonomi sejak zaman berzaman yang mempunyai hubungan sejarah perdagangan (lihat juga, Roberts & Sneller 2020; Britain 2011; Zarina & Durdona 2025). Kekurangan penelitian terhadap variasi dialek di kawasan persisiran pantai telah menyebabkan potensi kawasan ini sebagai zon peralihan dan pencairan dialek kurang diberi perhatian dalam kajian dialektologi tempatan. Berdasarkan isu dan kelompongan yang dibincangkan, penelitian ini telah menetapkan dua objektif utama iaitu yang pertama mengenal pasti variasi leksikal kesangatan bagi kata adjektif golongan warna /hiʤaw/ dalam varian persisiran pantai Kelantan- Terengganu dan melakuan pemetaan variasi leksikal kesangatan mengikut kawasan pertuturan berbantukan perisian Sistem Maklumat Geografi. Penyelidikan ini diharapkan dapat menampung kelompongan yang masih belum terisi tentang variasi varian dialek Melayu Terengganu dan Kelantan.

SOROTAN PENYELIDIKAN LEPAS

Sebelum kajian ini diteruskan dengan proses pengektrakan dan penganalisan data, pemerihalan tentang kata adjektif dan kata kesangatan perlu fahami terlebih dahulu. Pengkaji berupaya mengumpulkan beberapa kajian lepas sebagai sumber sekunder yang berkait dengan pemerihalan kata penguat kesangatan. Dalam bahasa Melayu Standard, penggunaan kata adjektif diaplikasikan dalam pertuturan berasaskan skala rendah - tinggi makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Bagi mencapai tujuan ini, kata adjektif sering dipadankan dengan kata penguat yang berfungsi sebagai penanda intensiti. Menurut Norliza (2018) penanda intensiti mempunyai tiga kategori posisi yang berbeza iaitu posisi hadapan kata adjektif, posisi belakang kata adjektif dan posisi bebas. Konsep kata penguat yang bersifat kesangatan telah dibincang secara ringkas dalam kajian berasaskan data korpus yang diperoleh daripada penulisan kreatif dan akhbar dalam talian oleh Eileen et al. (2019). Kajian ini menegaskan pengunaan kata -nya dalam frasa adjektif, misalnya `letihnya' tidak dianggap sebagai kata pebenda. Malah -nya dalam konteks ini ialah kata penguat yang menyerlahkan makna kesangatan. Ringkasnya, bentuk darjah penghabisan bahasa Melayu Standard terikat pada pola tertentu dan boleh hadir di posisi bebas iaitu se- + adjektif + gandaan + kata nama (sebesar – besar rumah) , ter- + kata adjektif (terbaik), paling + adjektif (paling cantik),

adjektif + sekali (cantik sekali), ter- + amat/sangat + adjektif (teramat cantik) dan amat/sungguh/ sangat + adjektif + sekali (sangat cantik sekali) (Yusniza et al, 2022).

Keistimewaan penggunaan leksikal kesangatan dalam dialek Melayu dibincangkan dalam beberapa kajian lepas. Nur Hafizah & Normaliza (2023) membincangkan kata adjektif dan kata penguat dalam dialek Melayu Kedah khusus di kampung Padang Buluh di Sungai Terap. Penyelidikan ini mendapati sebanyak 67 kata penguat yang dimanfaatkan dalam sembilan jenis kata adjektif. Kebanyakan kata penguat dalam dialek ini berada diposisi selepas kata adjektif dan sebahagian besar kata penguat hanya boleh digandingkan dengan kata adjektif yang tertentu sahaja. Kata penguat dalam dialek ini juga bertujuan untuk meningkatkan intensiti kata adjektif yang digunakan dalam pertuturan seharian. Yusniza et al (2020) pula memfokuskan ungkapan darjah penghabisan dialek Melayu Kedah berdasarkan tingkat kategori umur yang dipecahkan kepada dua kumpulan generasi iaitu generasi Baby Boomers dan Gen Y. Pemerhatian yang diuji terhadap lima golongan kata adjektif mendapati bahawa kepelbagaian kosa kata darjah penghabisan lebih rencam dituturkan oleh generasi Baby Boomers berbanding Gen Y. Misalnya, Baby Boomers mempunyai variasi kata penguat untuk satu adjektif manakala kata penguat Gen Y lebih terhad. Terdapat juga kata penguat dalam dialek tersebut yang dipinjam dari bahasa dan dialek lain seperti Mandarin dan dialek Melayu Kelantan. Walau bagaimanapun, slanga *giler* sebagai penguat tidak dituturkan oleh Gen Y di kawasan luar bandar menunjukkan pengaruh media kurang memberi kesan terhadap golongan tersebut.

Keistimewaan kata penguat dalam dialek Pantai Timur seperti dialek Kelantan dan Terengganu juga telah menarik minat ramai penyelidik bahasa untuk mempelajari variasi dialek ini dengan lebih mendalam dari aspek struktur, makna dan juga bunyi leksikal itu sendiri. Terdapat beberapa kajian terkini tentang kata kesangatan yang dikupas berdasarkan pertuturan dalam dialek. Nasrun & Rusydiah (2019) membincangkan tentang perbezaaan kedudukan kata darjah dan kata penguat dialek Melayu Kelantan khusus di kawasan Machang. Kajian ini mendapati bahawa kata darjah dalam dialek Melayu Kelantan hanya boleh hadir pada satu posisi sahaja iaitu posisi belakang kata adjektif. Berbeza dengan kata penguat dalam dialek tersebut yang boleh hadir pada dua posisi iaitu posisi hadapan dan posisi belakang kata adjektif. Pengaplikasian kata penguat dan kata darjah dikenal pasti mempunyai tujuan yang sama iaitu menyampaikan tahap kesangatan dalam sesuatu keadaan. Kajian ini juga berjaya merekodkan sebanyak tujuh kelas bentuk kata darjah yang digunakan bersama kata adjektif dalam dialek Kelantan dan menunjukkan makna ’keterlaluan’ dan ’kesangatan’.

Kata kesangatan dalam dialek Melayu Terengganu juga telah dibincangkan oleh Nur Sufiah & Maslida (2020) dalam konteks pandangan semantiknya. Kajian mereka telah menemukan keunikan bentuk kata kesangatan dalam frasa adjektif dialek Terengganu yang tidak ditemui dalam dialek Melayu Standard. Kata adjektif yang menerima kata kesangatan di posisi belakangnya dalam dialek Terengganu dianggap sebagai kata adjektif tidak produktif dan khusus kerana kata kesangatan hanya boleh berfungsi pada kata satu kata adjektif sahaja. Hal ini bermakna, dalam dialek ini setiap kata adjektif hanya boleh digandingkan dengan kata kesangatan yang khusus untuknya. Sekiranya kata adjektif tersebut diletakkan dengan kata kesangatan yang salah, maka kata adjektif tersebut tidak mampu menyampaikan makna ’terlampau’ dan ’kesangatan’ tersebut.

Terdapat variasi leksikal dari pelbagai medium semantik serta golongan dan kelas kata telah dipilih dan dijadikan fokus kepada kajian dialektologi khususnya dalam varian Melayu Kelantan dan varian Melayu Terengganu. Perbincangan tentang aspek fonologi dan penyebaran leksikal varian tersebut menerusi kaedah pemetaan juga turut semakin berkembang. Pemetaan pada kajian dialektologi kini lebih moden dengan adanya alat bantu pemetaan baharu seperti sistem maklumat geografi atau terjemahan Inggerisnya *Geography Information System* (GIS).

Pemanfaatan GIS perimgkat awalnya diserlahkan oleh Takuichiro Onishi (2007) yang mencadangkan kemungkinan penggunaan GIS untuk bidang dialektologi dan untuk menyokong kesahihan bagaimana GIS diterapkan dalam dialektologi. Perbincangan tentang corak penyebaran jenis EW iaitu timur dan barat dalam kajian tersebut menunjukkan pembentukan penyebaran ini masih belum jelas. Onishi (2007) telah memberi contoh tipikal iaitu penyebaran akhiran negatif *–nai* di timur Jepun dan *–n* di barat Jepun dan beliau menggunakan data dari '*Grammar Atlas of Japanese Dialects'* (GAJ). Beliau juga mengemukakan contoh pemetaan penyebaran dialek bagi akhiran negatif dan data pembuktian dalam GIS. Namun, perkara yang lebih menarik perhatian pengkaji adalah penghasilan peta 3D untuk menggambarkan keadaan jenis EW oleh Onishi (2007). Beliau mengatakan bahawa GIS boleh melukis atlas 3D yang mana mengambil ketinggian sebagai paksi ketiga dan akhiran negatif timur *–nai* dapat diperhatikan di sebelah sempadan Lautan Pasifik. Oleh itu makalah ini jelas menunjukkan perisian GIS adalah alat yang berkesan dalam dialektologi. Seterusnya, Onishi (2010) menyambung kajian dialek dengan memanfaatkan perisian GIS dan mengemukakan kajian yang bertajuk '*Mapping Japanese Dialects'* untuk memerihalkan perbezaan variasi dialek Jepun dengan melakukan kerja-kerja pemetaan linguistik. Onishi (2010) berjaya membuktikan pelbagai hasil peta penyebaran dialek di Jepun. Antara hasil dapatan peta yang berjaya dikeluarkan ialah peta grafik 3D yang dapat memberi gambaran tentang akhiran negatif '*negative suffix'* /-in/ dan /-n/ dialek Jepun dalam batas kawasan kajian yang ditelitinya.

Penyelidik dialek di Malaysia turut memanfaatkan *Geographical Information System* (GIS) menerusi disiplin dialektologi geografi. Kajian Nor Hashimah et al. (2016) misalnya, meneliti variasi leksikal kata ganti nama (KGN) diri pertama 'saya', kedua 'kamu' dan ketiga 'mereka' dalam dialek Melayu di persisiran Sungai Perak. Menurut Nor Hashimah et al. (2016) kajian geo-dialek ini telah menggabungkan penelitian kebahasaan iaitu dialek dengan maklumat bukan bahasa iaitu bentuk muka bumi, persempadanan dan sejarah. Selain itu kajian ini berbantukan teknologi daripada kajian geografi iaitu GIS. Kajian mereka membuktikan bahawa perbandingan dan pemetaan bagi setiap varian leksikal KGN di persisiran Sungai Perak telah berjaya dikemukakan dengan bantuan GIS. GIS membantu memaparkan peta setiap variasi dan varian tertinggi leksikal KGN dialek di persisiran Sungai Perak. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa Perak Tengah adalah kawasan asli dialek Perak dengan memberikan sempadan geografi yang tepat berbanding kajian terdahulu. Menurut Nor Hashimah et al. (2016), beberapa kampung di Perak Tengah menggunakan varian Kuala Kangsar kerana faktor topografi dan migrasi. Buktinya wujud tiga varian untuk leksikal 'mereka', iaitu /demə/ untuk Kuala Kangsar, /demɛ/ untuk Perak Tengah dan /depa/ untuk dialek Kedah. GIS dikatakan mampu memberikan huraian tentang penyebaran dialek Melayu persisiran Sungai Perak dengan lebih sistematik dan menyakinkan. Mereka juga turut mengatakan bahawa faktor muka bumi berserta faktor persempadanan, migrasi dan sejarah sememangnya memainkan peranan penting dalam penyebaran sesuatu dialek itu.

Shahidi & Muhammad Firdaus (2024) pula membincangkan persebaran dan kesejajaran unsur fonologi dan leksikal yang wujud dalam varian dialek Lembangan Sungai Terengganu di sepanjang lembangan Sungai Terengganu. Kajian ini telah mengenal pasti lapan kelompok varian yang ditentukan dari aspek variasi fonologi dan variasi leksikal yang unik. Variasi leksikal yang dipilih adalah leksikal Kata Ganti Nama Diri iaitu 'aku', 'kamu' dan 'mereka'. Kajian ini telah menghasilkan sebuah pemetaan isoglos umum serta berupaya membuktikan pengelompokan dan pembahagian varian-varian dialek Lembangan Sungai Terengganu di sepanjang lembangan Sungai Terengganu. Peta isoglos ini adalah hasil kombinasi peta-peta isoglos bagi leksikal 'aku', 'kamu' dan 'mereka'. Setiap leksikal yang dianalisis telah dibincangkan secara tuntas melalui pemaparan peta isoglosnya. Perbincangan ini turut mengemukakan faktor-faktor geografi yang wujud di kawasan-kawasan yang dikaji. Kajian ini membuktikan bahawa GIS mampu dimanfaatkan bagi membina sebuah peta dialek yang tepat dan benar. Gabungan antara dua disiplin ilmu iaitu linguistik dan geografi jelas mampu memghasilkan dapatan penyebaran dan kesejajaran varian dialek Lembangan Sungai Terengganu yang lebih sahih dan berkesan. Berdasarkan penelitian ini juga ternyata taburan varian dan penyebaran untuk kebanyakan kawasan yang diteliti di sepanjang lembangan Sungai Terengganu adalah berbeza mengikut pengaruh pertuturan penuturnya dengan keadaan geografi kawasan kajian. Pemetaan variasi leksikal kata ganti nama dialek Kelantan juga diteliti oleh Muhammad Danial & Siti Noraini (2024). Dengan pengaplikasian perisian GIS, penyelidikan ini telah menemukan sebanyak tujuh varian leksikal /saja/ yang dituturkan dalam kawasan kajian. Manakala leksikal /kamu/ dikenal pasti dituturkan dalam enam varian dan sebanyak empat varian bagi leksikal /mereka/. Kajian ini memperolehi data dari tiga kelompok umur iaitu kelompok remaja, dewasa dan warga tua. Penyebaran varian ini dikatakan berpunca daripada bentuk muka bumi, persempadanan dan juga migrasi yang berlaku di kawasan tersebut.

KAJIAN LEPAS TENTANG PENCAIRAN DIALEK

Meskipun GIS sering dijadikan sebagai instrumen pemetaan bagi membantu pengkaji lepas memaparkan sebaran leksikal dalam sesuatu varian, namun isu perkaitan antara penyelidikan dialektologi dengan faktor pencairan dialek dalam dunia dialektologi tempatan masih belum begitu diberi perhatian secara mendalam. Antara pengkaji lepas yang ada mengulas isu migrasi dalam perubahan dialek Melayu termasuklah Siti Noraini Hamzah et al. (2017). Beliau dan rakan-rakannya meneliti pengaruh persempadanan negeri yang telah menjadikan Perak sebagai sebuah negeri yang rencam dengan pelbagai dialek mahupun subdialek. Menurut Siti Noraini Hamzah et al. (2017), negeri Perak bukan sahaja menerima pengaruh dialek luar melalui persempadanan malahan migrasi masyarakat luar daripada lingkungan Tanah Melayu juga merencamkan lagi dialek Melayu di bahagian utara dan selatan negeri ini. Kajian yang melibatkan sebanyak 58 buah kampung di lima buah daerah di Perak ini dihuraikan bersama faktor linguistik dan bukan linguistik dalam pemerhatian terhadap fenomena kerencaman dialek di Perak. Lima buah daerah yang dimaksudkan adalah daerah Larut Matang, Selama, Hulu Perak, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang. Pengaplikasian GIS dalam kajian ini dilihat dapat menjelaskan lagi faktor reruang dalam penghijrahan masyarakat luar ke negeri Perak berdasarkan bukti leksikal seperti 'air', 'saya', 'datuk', 'nenek', 'kamu', 'besar', 'anjing', 'betis' dan 'mentah' yang jelas memperlihatkan pengaruh daripada dialek Melayu Patani, dialek Banjar, dialek Jawa dan dialek Minang. Kajian ini memperkukuhkan lagi penjelasan berkenaan penyebaran bahasa atau dialek luar yang ditemui di negeri Perak. Penggunaan GIS dikatakan telah memudahkan penerangan dan pembuktian saintifik

tentang kehadiran dialek Patani, Banjar, Jawa, Rawa dan Minang di utara dan selatan negeri Perak. Faktor geografi, sejarah dan migrasi telah diintergrasikan dengan teknologi bagi mendapatkan penerangan penyebaran dengan lebih sistematik.

Nor Hashimah et al. (2020) juga turut menyatakan bahawa migrasi penutur Banjar, Bugis, Minang dan Jawa memainkan peranan dalam membentuk landskap baharu dialek di Johor. Kajian ini bagaimanapun lebih berfokus kepada pengenalpastian kewujudan dan penyebaran varian dialek berdasarkan data daftar kata akibat migrasi. Aspek pencairan dialek, khususnya perubahan, pengurangan atau kehilangan ciri linguistik tertentu akibat pertembungan antara penutur, masih belum dibincangkan secara mendalam. Penyelidikan lain yang relevan ialah Mohd Tarmizi dan Mohammad Khairulanwar (2024) yang membincangkan pelevelan dialek hulu Dungun, hulu Kelantan, hulu Kedah dan hulu Pahang. Mereka berpendapat bahawa dialek hulu semakin mencondong ke arah dialek hilir yang mempunyai imej lebih berprestij berbanding bahasa Melayu Standard. Proses pelevelan menyebabkan banyak unsur linguistik dialek di kawasan hulu lenyap secara beransur-ansur. Kajian mereka turut mengenal pasti dua faktor utama yang mendorong proses tersebut, iaitu penghijrahan masyarakat hilir ke kawasan hulu dan fenomena tindak-jelma kejatian (act of identity) yang menyebabkan masyarakat cenderung menjadi sebahagian daripada komuniti penutur dialek hilir.

Kajian lepas ternayata tidak menafikan keunikan dan kekhususan kata penguat kesangatan dari segi bentuk, fungsinya berkaitan dengan kata adjektif. Hal ini seterusnya menjustifikasikan keperluan dan signifikasi melaksanakan kajian lanjutan bagi memperluas dan memperkukuh pemahaman tentang penggunaan kata kesangatan, khususnya dalam konteks pertuturan dialek Melayu Pantai Timur yang terdapat di Kelantan dan Terengganu Penelitian ini juga perlu dihasilkan untuk mendokumentasikan kepelbagaian leksikal kata kesangatan yang mencerminkan identiti linguistik dan sosiobudaya penutur setempat. Selain itu, penggabungan analisis linguistik dengan pendekatan dialektologi geografi berbantukan Sistem Maklumat Geografi (GIS) membolehkan taburan dan penyebaran kata kesangatan diperihalkan secara lebih bersistematik, visual dan empirikal. Pendekatan ini seterusnya dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang hubungan antara variasi leksikal dengan faktor ruang geografi sekali gus menyumbang kepada pemantapan kajian dialektologi Melayu dan penghasilan pemetaan dialek Pantai Timur yang lebih tepat dan komprehensif.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Sebagai sebuah penyelidikan kualitatif, kajian ini mengumpulkan data variasi leksikal kesangatan [saŋat hidʒaw] dengan memanfaatkan kaedah kajian lapangan bersama teknik rakam dan catat. Seramai 60 orang penutur natif Melayu daripada 30 buah kampung di persisiran pantai Kelantan dan Terengganu dilibatkan dalam kajian ini.
Kampung – kampung tersebut adalah seperti dalam jadual berikut.

JADUAL 1. Senarai nama kampung terlibat di Persisiran Pantai Kelantan

Kawasan Kajian	Singkatan
Kampung Kedai Geting	KKG
Kampung Bharu Nelayan	KBN
Kampung Pantai Mek Mas	KPMM
Kampung Pantai Sabak	KPS
Kampung Kemasin	KKn

Kampung Perupok	KP
Kampung Pantai Baru	KPB
Kampung Kandis	KK
Kampung Air Tawar	KAT
Kampung Tok Bali	KTB

JADUAL 2. Senarai nama kampung terlibat di Persisiran Pantai Terengganu

Kawasan Kajian	Singkatan
Kampung Telok Bayu	KTBy
Kampung Pengkalan Gaduh	KPG
Kampung Pengkalan Gelap	KPGP
Kampung Bukit Chalok	KBC
Kampung Merang	KM
Kampung Merabang Panjang	KMP
Kampung Pak Tuyu	KPT
Kampung Pulau Duyung kecil	KPDK
Kampung Pantai Pandak	KPP
Kampung Rhu Dua	KRD
Kampung Pulau Kerengga	KPK
Kampung Pulau Rusa	KPR
Kampung Jambu Bongkok	KJB
Kampung Teluk Bidara	KTBd
Kampung Laut	KL
Kampung Gelugur	KG
Kampung Tanjung	KT
Kampung Che Wan	KCW
Kampung Telok Kalung	KTK
Kampung Geliga	KGa

Kawasan kajian yang dipilih adalah terdiri daripada kawasan desa atau pinggir bandar yang mempunyai sejarah penempatan sekurang-kurangnya 50 tahun yang secara umumnya diyakini memiliki ciri kesinambungan penggunaan dialek tempatan. Di samping memanfaatkan pengetahuan mengenai kawasan persisiran Kelantan - Terengganu dari kajian lepas, pemilihan kampung dan informan turut dibantu dengan bantuan pihak Pejabat Tanah, ketua atau wakil kampung dan teknik persampelan *snowballing*. lokasi 30 buah kampung terpilih juga adalah dalam lingkungan jarak lima kilometer dari garis pantai ke arah darat. Jarak kilometer yang ditetapkan adalah berdasarkan definisi kawasan pesisiran pantai yang ditetapkan oleh *Coastline Planning and Development Guidelines by Town and Country Planning Department, Peninsular Malaysia* (JPBD, 1997) melalui *PlanMalaysia* (2022).

Secara purata, terdapat dua orang wakil informan (penutur natif Melayu) bagi setiap kampung Melayu yang terlibat. Bagi mendapatkan data pertuturan yang sahih dan relevan, informan terpilih adalah memenuhi syarat NORM yang ditetapkan oleh Chambers & Trudgill (1990) iaitu tetap dan tidak berpindah (*Non-mobile*), berumur (*Old*), pedalaman (*Rural*) dan lelaki (*Man*). Selaras dengan kriteria NORM, kajian ini memilih informan yang berumur sekitar 50 tahun ke atas dan menetap secara tetap serta tidak berhijrah. Bagi jantina informan, kajian ini mendapati bahawa penutur wanita juga sesuai dijadikan informan bertepatan dengan saranan Ajid (1985) yang menyatakan penutur wanita asia lebih bersifat konservartif. Informan terpilih juga memiliki alat artikulatori yang baik dan sihat tubuh badan.

Setelah informan yang memenuhi kriteria pemilihan dikenal pasti, proses pengumpulan data dilaksanakan secara sistematik dengan mengaplikasikan beberapa teknik yang bersesuaian bagi memastikan data yang diperoleh bersifat autentik dan boleh dipercayai. Data yang dikumpulkan menerusi kajian lapangan ini diperoleh dengan memanfaatkan beberapa teknik

pengumpulan data. Teknik pertama ialah temu bual berstruktur dan temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur dilaksanakan secara terancang bagi memperoleh maklumat demografi informan seperti umur dan pekerjaan. Maklumat tersebut juga digunakan untuk mengesahkan sama ada informan yang dipilih memenuhi kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. Di samping maklumat demografi, temu bual separa berstruktur turut merangkumi beberapa soalan berkaitan pandangan informan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pencairan dialek, seperti migrasi, perkahwinan, pembangunan kawasan, kegiatan ekonomi, keutuhan jati diri serta pendidikan di kawasan kajian. Temu bual berstruktur pula dijalankan dengan memanfaatkan beberapa leksikal terpilih yang ditebarkan kepada informan di setiap kawasan kajian. Pelaksanaan teknik ini disulami dengan kaedah lafaz sebagaimana yang diistilahkan oleh Asmah (2008). Melalui kaedah ini, informan diminta melafazkan setiap item dalam senarai daftar kata yang disediakan mengikut dialek pertuturan semula jadi mereka. Pendekatan ini membolehkan data linguistik yang diperoleh mencerminkan sebutan autentik masyarakat setempat serta sesuai untuk tujuan analisis variasi dialek. Kajian ini, bagaimanapun, hanya memberi tumpuan penelitian terhadap frasa [saŋat hiʤaw] sahaja. Ini kerana, frasa ini didapati paling berupaya menampilkan variasi varian yang meluas, sekali gus berpotensi memberi gambaran yang jelas terhadap proses pencairan dialek.

Sejajar dengan tujuan utama kajian ini iaitu pemetaan variasi dialek di persisiran pantai Kelantan dan Terengganu, maka data leksikal (’sangat hijau’) seterusnya melalui proses penganalisisan yang memanfaatkan pendekatan disiplin dialektologi geografi. Dialektologi geografi atau geografi dialek atau dikenali juga sebagai geolinguistik, melibatkan gabungan antara dua bidang iaitu geografi dan linguistik. Pada masa kini, pendekatan ini seringkalinya memanfaatkan teknologi atau perisian *Geographical Information System* yang berupaya untuk memproses pemetaan linguistik secara lebih objektif dan tepat. sepertimana yang telah dilaporkan dalam sorotan penyelidikan lepas, GIS terkenal dalam ilmu geografi sebagai salah satu alat yang mampu menjana data lapangan untuk dianalisis secara lebih saintifik. GIS dalam bidang linguistik, justeru, penting dalam proses menghasilkan pemetaan isoglos atau sempadan dialek.

Sebelum kemunculan teknologi GIS dalam kajian dialek, kajian geografi dialek cuba memerihalkan persamaan dan perbezaan variasi dialek yang wujud antara sesebuah kawasan dengan kawasan yang lain dengan garis isoglos yang dilakar secara manual. Pemanfaatan GIS dalam kajian dialek seterusnya diyakini dapat memberikan hasil dapatan yang lebih baik untuk tujuan tersebut. Menurut Onishi (2007:76) aplikasi GIS adalah;

> *The application of GIS to the geographical distribution of dialectal forms is highly valuable and more attempts should be made for analyzing the objective description of dialect distribution.*

Tegasnya, kajian interdisiplin dialektologi geografi amat penting dalam proses menghasilkan sebuah pemetaan sempadan dialek atau isoglos yang ditentukan berasaskan aspek linguistik seperti penyebaran bunyi-bunyi bahasa dan aspek geografi seperti faktor muka bumi dan sebagainya.

Dialektologi geografi pada masa kini ternyata memerlukan dua jenis data mentah iaitu data variasi leksikal yang diperoleh melalui kaedah lapangan dan data reruang seperti data koordinat (data spatial yang menunjukkan lokasi sesuatu kawasan). Data koordinat longitud dan latitude kawasan kajian yang telah ditukarkan nilai darjah, minit, saat (DMS) kepada darjah perpuluhan (DD) dimasukkan ke dalam carta yang disediakan dalam perisian untuk memudahkan proses pemetaan leksikal menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi. Penyelidikan ini memilih untuk menggunakan perisian ArcGis terkini yang dibangunkan oleh *Environmental System*

Research Institute (ESRI). Sejajar dengan kemahuan objektif kajian dan matlamat bidang dialektologi geografi, pemetaan variasi leksikal dilakarkan dalam peta jenis koroplet. Peta koroplet dibina berdasarkan penggunaan leksikal kesangatan dan titik kawasan pertuturan untuk menyerlahkan taburan varian yang terdapat di persisiran pantai Kelantan dan Terengganu. Bagi menghasilkan peta jenis ini, teknik *interpolation* telah dimanfaatkan melalui fungsian *Inverse Distance Weight* (IDW). Kajian ini meletakkan jarak kawasan kajian lima kilometer dari arah pantai sebagai batasan kajian. Rentetan dari batasan ini, teknik '*buffer'* digunakan untuk membina lingkungan kawasan jaluran persisiran pantai timur dalam jarak yang ditetapkan. Pemilihan simbol dan warna penting apabila data leksikal dan data koordinat yang berperanan sebagai data atribut dimasukkan ke dalam perisian ini. Dengan menggunakan tetapan *symbol* pada bahagian *properties,* simbol yang mewakili leksikal dan warna yang mewakili lingkungan kawasan pertuturan akan terpapar pada peta yang dibina.


DAPATAN & PERBINCANGAN

Konsep pencairan atau *fluidity* dalam bahasa ialah satu idea yang mencabar pandangan bahawa bahasa terbatas dan bersempadan. Pencairan bahasa mampu menyerlahkan kebolehupayaan perubahan bahasa merentasi sempadan geografi dan sosial (Jakobs & Hüning, 2022). Dalam konteks kajian ini, pencairan dialek dibuktikan dengan penyebaran leksikal kesangatan bagi frasa "sangat hijau" di kawasan persisiran pantai Kelantan dan Terengganu seperti yang dipaparkan dalam jadual dibawah.

JADUAL 1. Variasi frasa adjektif kesangatan bagi leksikal /hijaw/

Gloss	**Variasi frasa adjektif kesangatan**	**Realisasi kawasan Pertuturan**
sangat hijau	hidʒa pːəkɔʔ	KKG
	idʒa pːəkɔʔ	KPS, KP, KPB, KK, KAT dan KTB
	idʒa pːəkaʔ	KPMM
	idʒa kːəloŋ	KBN
	idʒa pːaheʔ	KKn
	idʒa nːaʔuŋ	KTBy,KPGP,KBC,KM,KPR,KPT KPP,KPDK,KMP,KRD,KPK,KTBd KG,KCW dan KTK
	idʒa mːəkɔʔ	KPG dan KGa
	idʒa nːəkɔʔ	KJB
	idʒa mənaʔuŋ	KL
	idʒa mənauŋ	KT

Frasa adjektif kesangatan bagi frasa /saŋat hidʒaw/ dikenal pasti dituturkan sebanyak 10 variasi di kawasan persisir pantai Kelantan-Terengganu. Oleh kerana fokus penelitian ini adalah terhadap leksikal kesangatan yang mewakili makna kesangatan atau keterlaluan, variasi varian frasa /hidʒa pːəkɔʔ/ dan /idʒa pːəkɔʔ/ dikira sebagai satu varian kerana menggunakan leksikal kesangatan yang sama iaitu leksikal /pːəkɔʔ/. Dalam kajian ini, varian leksikal kesangatan bagi kata adjektif /hidʒaw/ didapati memiliki sebanyak sembilan varian (i.e. bervariasi di sepanjang persisiran pantai Kelantan-Terengganu) iaitu /pːəkɔʔ/, /pːəkaʔ/, /kːəloŋ/, /pːaheʔ/, /nːaʔuŋ/, /mːəkɔʔ/, /nːəkɔʔ/, /mənaʔuŋ/ dan /mənauŋ/.




RAJAH 1. Variasi leksikal kesangatan bagi leksikal /hijaw/

Menerusi rajah 1 di atas, dapat dilihat varian 1 /pːəkɔʔ/ yang ditandakan dengan simbol poin berwarna hijau gelap dituturkan di sebelah utara persisiran pantai Kelantan (KKG), di sebelah timur laut persisiran pantai Kelantan (KPS), di kawasan tenggara persiran pantai Kelantan (KP dan KPB) serta di bahagian selatan (KK, KAT dan KTB). Dari aspek taburan geografi, leksikal ini menunjukkan penggunaan yang dominan dan tersebar secara meluas di kawasan persisiran pantai Kelantan. Meskipun begitu, varian ini tidak tersebar ke kawasan persisiran pantai Terengganu. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa leksikal yang mempunyai persamaan ciri fonetik dengan leksikal /pːəkɔʔ/ di persisiran pantai Terengganu.

Penyebaran varian leksikal /pːəkaʔ/ pula hanya ditemui di kawasan KPMM. Bentuk leksikal ini berbeza pada vokal di lingkungan struktur suku kata akhir tertutup iaitu /a/ dalam /pːəkaʔ/ dan /ɔ/ dalam /pːəkɔʔ/.Terdapat dua faktor yang menyebabkan bentuk kedua-dua leksikal ini hampir serupa. Faktor pertama berkait dengan peralihan unsur /ɔ/ dalam leksikal /pːəkɔʔ/ kepada /a/. Peralihan ini berlaku disebabkan kecenderungan penutur di KKG, KPS, KP, KPB, KK,

KAT dan KTB untuk menyamai pertuturan masyarakat di pusat penyebaran dialek yang dianggap berprestij. Fenomena ini selaras dengan pandangan Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani (2024). Manakala penutur di KPMM pula cenderung menggunakan bentuk pertuturan yang lebih hampir dengan BMS, yang dianggap mempunyai tahap prestij yang lebih tinggi. Kedua, selaras dengan pandangan Asmah Haji Omar (2015), Kota Bharu dianggap sebagai kawasan pusat yang menyebarkan ciri dialek ke kawasan sekitarnya. KPMM, yang terletak dalam jajahan Kota Bharu, boleh dianggap sebagai sebahagian daripada pusat penyebaran varian standard. Bentuk leksikal kesangatan /pːəkaʔ/ juga hampir menyamai leksikal /pəkat/ yang digunakan dalam BMS. Walau bagaimanapun, penyebaran varian ini terbatas disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi di kawasan tersebut. KPMM terletak di Kuala Besar, di muara Sungai Kelantan, yang memisahkan kampung ini daripada kampung KKG dan KBN. Lihat Rajah 2 berikut.



RAJAH 2. Lokasi KPMM yang terpisah dengan kampung KKG dan KBN disebabkan oleh Sungai Kelantan (Sumber Google Earth, 2026).

Rajah 2 menyerlahkan halangan faktor bentuk muka bumi (i.e saliran) yang mempengaruhi kelainan variasi leksikal kesangatan antara KPMM dengan kampung-kampung lain.

Menariknya, kawasan KBN juga mempunyai varian leksikal kesangatan yang berbeza iaitu leksikal /kːəloŋ/. Varian ini juga tidak tersebar ke kawasan lain dan hanya dituturkan dalam kawasan kampung KBN sahaja. Lihat peta dalam rajah 3 berikut.



RAJAH 3. Paparan dekat lokasi KBN (Sumber Google Earth, 2026)

Peta dalam rajah 3 di atas menunjukkan bahawa kampung KBN juga terpisah dengan kampung lain disebabkan oleh lokasinya yang berada di antara kuala sungai Pengkalan Nangka dan kuala Sungai Mak Neralang. Sebagai makluman tamabahan, varian ini juga turut terbatas penggunaannya kerana isolasi lokasinya yang bersebelahan dengan beberapa pulau kecil yang terletak di antara kuala sungai Mak Meralang dan muara Sungai Kelantan.

Seterusnya, sama seperti varian KBN dan KPMM, leksikal /pːaheʔ/ turut dianggap sebagai varian tunggal kerana leksikal ini hanya dituturkan di kampung KKn. Sejajar dengan pembuktian keterbatasan penyebaran varian kedua-dua kampung tersebut, KKn juga berada di sebelah kuala sungai Kemasin yang menyebabkan kawasan kampung ini terpisah dengan kawasan kampung yang lain di sebelah timur laut.

Leksikal /nːaʔuŋ/ seterusnya merupakan varian leksikal kesangatan yang dominan digunakan di jaluran persisiran pantai Terengganu. Leksikal ini dikenal pasti digunakan di kawasan KTBy, KPGP, KBC, KM, KPR, KPT, KPP, KPDK, KMP, KRD, KPK, KTBd, KG, KCW dan KTK. Penyebaran leksikal ini bermula daripada utara Terengganu sehingga ke persisiran pantai Terenganu arah selatan. Hal ini membuktikan bahawa leksikal kesangatan ini tersebar merentasi persempadanan politik dan tidak dihalangi oleh bentuk muka bumi.

Manakala leksikal /mːəkɔʔ/ diujarkan di kampung KPG dan KGa. Varian ini tidak meluas penggunaannya namun menunjukkan corak penyebaran yang unik. Hal ini demikian kerana, KPG merupakan kampung yang terletak di utara persisiran pantai manakala KGa terletak di hujung selatan persisiran pantai Terengganu bersempadan dengan Pahang. Leksikal ini mempunyai bentuk leksikal dan ciri fonologi yang hampir sama dengan leksikal kesangatan yang majoriti dituturkan di persisiran pantai Kelantan iaitu /pːəkɔʔ/. Begitu juga halnya dengan varian leksikal /nːəkɔʔ/ yang dituturkan di KJB yang terletak di arah tenggara persisiran pantai Terengganu. Inovasi leksikal /mːəkɔʔ/ di KPG merupakan antara kesan daripada persempadanan semula daerah Setiu yang menggabungkan mukim daerah Besut dan daerah Kuala Terengganu pada 1980

(Pejabat Tanah dan Galian Setiu, 2014). Inovasi di KPG juga secara tidak langsung menyokong pernyataan Asmah (2015) yang merekodkan kawasan Setiu sebagai kawasan peralihan dialek.

Ciri inovasi yang sama yang diperlihatkan oleh KGa pula adalah disebabkan oleh pengaruh dialek Melayu Patani di kawasan Kemaman. Pengaruh ini dibawa oleh seorang bangsawan dari Patani yang bernama Lebai Saras pada sekitar tahun 1980. Berdasarkan catatan dalam *Annual Report of Trengganu* 1925, beliau merupakan pemerintah pertama di daerah Kemaman (Alir 1977). Alir (1977) menjelaskan bahaawa sebelum Lebai Saras membuka beberapa mukim lain di Kemaman, sudah ada penempatan masyarakat di kawasan muara sungai termasuklah di kawasan Geliga. Fakta ini mengesahkan bahawa kehadiran leksikal /mːəkɔʔ/ merupakan inovasi yang disebabkan oleh pengaruh kontak dialek.

Perbezaan yang hanya melibatkan konsonan awal /p/, /m/ dan /n/ memperlihatkan berlakunya variasi fonologi setempat tanpa mengubah makna leksikal tersebut. Hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan leksikal kesangatan yang dominan di Terengganu, iaitu /nːaʔuŋ/ yang bermula dengan konsonan /n/ dan /mənauŋ/ yang bermula dengan konsonan /m/. Fenomena ini menunjukkan bahawa inovasi dan peralihan konsonan awal tersebut berkemungkinan berlaku akibat perkembangan fonologi setempat, hasil interaksi antara penutur, serta proses penyebaran dialek yang dipengaruhi oleh faktor geografi dan sosial.

Varian akhir yang membawa makna kesangatan bagi kata adjektif /hiʤaw/ iaitu leksikal /mənaʔuŋ/ dituturkan di KL dan /mənauŋ/ dituturkan di KT. Kedua-dua varian ini mempunyai imbuhan awalan MeN- pada leksikal kesangatan yang diujarkan. Kawasan ini juga berhampiran dengan kawasan perindustrian yang menyebabkan peningkatan kontek sosial di antara penutur natif dan penutur luar yang berpindah kerana pertumbuhan ekonomi di kawasan terbabit. Selain itu, Kl dan KT dipisahkan dengan KG yang menggunakan varian /nːaʔuŋ/. Maka tidak hairanlah varian ini mendapat pengaruh dari varian leksikal /nːaʔuŋ/.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memperlihatkan bahawa leksikal kesangatan /pːəkɔʔ/ merupakan ciri diagnostik yang mewakili varian persisiran pantai Kelantan (VPPK) kerana penggunaannya paling dominan dan tersebar di sebahagian besar kampung persisiran pantai Kelantan. Walaupun terdapat beberapa varian lain seperti /pːəkaʔ/, /kːələŋ/ dan /pːaheʔ/, penggunaannya hanya terbatas di lokasi tertentu dan tidak menunjukkan penyebaran yang meluas. Bagi varian persisiran pantai Terengganu (VPPT), leksikal /nːaʔuŋ/ dikenal pasti sebagai ciri diagnostik dialek tersebut kerana dituturkan secara dominan dari kawasan utara hingga ke selatan persisiran pantai Terengganu. Oleh itu, kedua-dua leksikal ini dianggap sebagai bentuk natif yang mewakili identiti linguistik utama bagi masing-masing dialek. Kehadiran bentuk-bentuk lain seperti /mːəkɔʔ/, /nːəkɔʔ/, /mənaʔuŋ/ dan /mənauŋ/ pula ditafsirkan sebagai inovasi setempat atau hasil pengaruh kontak dialek yang mencerminkan berlakunya proses pencairan dialek.


Pada dasarnya, kemajuan kawasan juga boleh menjadi punca pencairan dialek. Sebelum terdapatnya pelbagai kemudahan prasarana dan infrastruktur, jaringan sungai merupakan antara faktor yang membatasi penyebaran varian linguistik. Namun demikian, kepentingan jaringan sungai ini semakin berkurangan akibat pembangunan infrastruktur moden, khususnya pembinaan jalan raya dan jambatan, yang telah meningkatkan potensi keterhubungan antara kawasan yang sebelum ini dipisahkan oleh sungai. Namun demikian, perlu juga ditegaskan di sini bahawa interaksi sosial di antara penutur tidak semata-mata bergantung kepada kemajuan dan pemodenan prasarana semata-mata. Misalnya, varian leksikal kesangatan /pːaheʔ/ di KKN yang tidak tersebar meskipun jarak antara KKN dan KP tidak dihalangi oleh faktor fizikal geografi dan tiada masalah dari aspek infrastruktur pengangkutan. Lihat peta dalam Rajah 4 berikut.



RAJAH 4. Paparan jalan raya di kawasan KP (Sumber Google Earth, 2026)

Rajah 4 di atas menunjukkan kewujudan jalan raya yang menghubungkan pusat bandar dengan KP (i.e. salah satu faktor yang berupaya mempengaruhi proses mobiliti varian ini). Hakikatnya, proses asimilasi dan adaptasi sesuatu varian memerlukan pemicu yang lebih kukuh untuk penutur menyerap sesuatu leksikal daripada varian lain. Salah satu pemicu ini ialah migrasi penutur varian lain ke kawasan tersebut menyebabkan penutur asal perlu menerima ciri varian lain yang dibawa oleh penutur luar. Hal ini turut diketengahkan dalam kajian Mohd Tarmizi & Mohammad Khairulanwar (2024) yang memerihalkan fenomena pelevelan dialek hulu ke hilir. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari penutur KKN, kawasan kampung tersebut hanya didiami oleh penutur asal. Berdasarkan maklumat temu bual bersama informan, didapati bahawa kawasan KP mempunyai sejarah migrasi dan mobiliti penutur luar khususnya yang diakibatkan oleh elemen perkahwinan dan perkembangan kegiatan ekonomi yang lebih membangun.

Penyebaran varian /pːəkɔʔ/ di KP, KPB, KK, KAT dan KTB jelas menunjukkan bahawa penutur di kawasan tersebut menerima pengaruh daripada varian standard. Varian standard dalam konteks ini merujuk kepada varian /pːəkaʔ/ di KPMM yang dituturkan di kawasan pusat penyebaran dialek. Proses asimilasi dan adaptasi varian lain ke dalam varian asal menyebabkan berlakunya perubahan dan penambahan leksikal, sekali gus mencerminkan fenomena pencairan varian. Penyebaran leksikal ini turut menunjukkan bahawa penutur natif di kawasan yang mengalami pencairan dialek berupaya menyerap dan menyesuaikan varian yang dibawa oleh penutur yang bermigrasi ke kawasan mereka. Buktinya, kampung KGa yang terletak di bahagian selatan persisiran pantai Terengganu menuturkan leksikal kesangatan /mːəkɔʔ/, memperlihatkan ciri fonetik hampir sama dengan leksikal /pːəkɔʔ/ yang digunakan di sebahagian besar kampung persisiran pantai Kelantan. Persamaan ini dipercayai berlaku kesan dari migrasi orang Patani seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Kawasan pencairan jelas dipaparkan dalam rajah 5 di bawah.



RAJAH 5. Pembuktian pencairan varian di persisiran pantai Terengganu

Selain itu, penemuan penggunaan leksikal /nːaʔuŋ/ di KTBy juga signifikan dalam pembuktian kewujudan pencarian varian natif. Hal ini kerana, KTBy merupakan kampung yang bersempadan dengan persisiran pantai Kelantan dan tidak menunjukan pengaruh bentuk leksikal kesangatan persisiran pantai Kelantan seperti kampung yang bersebelahan dengannya iaitu KPG yang menuturkan varian /mːəkɔʔ/. Dapatan ini berbeza dengan penyataan Siti Rahimah Mustaffa et al. (2017) tentang keutuhan jati diri penutur varian Besut yang mengganggap mereka sebagai masyarakat Kelantan.

Penelitian tentang leksikal kesangatan yang terdapat dalam varian VPPK dan VPPT telah memperlihatkan kepelbagaian penggunaan leksikal di kawasan persisiran pantai Kelantan – Terengganu. Keragaman varian leksikal juga menyerlahkan dinamik varian tersebut dalam konteks sosial, budaya dan masyarakat. Dengan erti lain, leksikal kesangatan yang tersebar bukan sahaja membawa perubahan dalam pengujaran subdialek dan dialek, malah turut membawa pengaruh adat budaya yang melambangkan identiti masyarakat tersebut. Tidak dinafikan bahawa kesan sosial yang membawa kepada fenomena pencairan varian ini membentuk kesan positif seperti merapatkan jurang hubungan komunikasi di antara penutur, namun terdapat juga kebimbangan timbal balik yang perlu diberi perhatian seperti kehausan ciri varian asal yang mampu mengorbankan identiti penutur varian tersebut.

Fenomena pencairan varian natif ini membawa perubahan pantas kepada struktur kebahasaan varian tersebut. Kelajuan perubahan ini menyebabkan transformasi struktur varian sukar direkodkan dan pola perubahannya tidak dapat dikemas kini secara serta-merta melalui penulisan akademik. Selain menggunakan instrumen GIS sebagai alat menganalisis dan memetakan data, permasalahan ini boleh diselesaikan dengan menggabungkan teknologi

kecerdasan buatan (AI) sebagai alternatif untuk memastikan pola penyebaran varian sentiasa dikemas kini. Melalui teknik pembelajaran mesin (machine learning), AI dapat mengenal pasti pola perubahan penggunaan sesuatu varian, meramalkan arah penyebarannya dan mengesan kawasan yang menunjukkan kecenderungan berlakunya pencairan dialek. Gabungan dua teknologi ini juga mampu menganalisis corak penyebaran varian dan mengesan pola parameter sosial yang menjadi angkubah kepada penyebaran varian. Selain itu, proses pendokumentasian varian pertuturan juga akan menjadi lebih efisien.

KESIMPULAN

Penemuan sebanyak sembilan varian leksikal kesangatan bagi kata adjektif /hiʤaw/ di jaluran persisiran pantai Kelantan-Terengganu telah menjelaskan beberapa fenomena signifikan dalam kajian dialektologi. Fenomena ini merupakan impak daripada pengaruh aspek geografi fizikal dan perubahan sosial yang berlaku di sekitar penutur terhadap varian tumpuan. Fenomena yang pertama ialah keterbatasan penyebaran varian leksikal kesangatan boleh terjadi disebabkan oleh kewujudan halangan bentuk muka bumi iaitu kuala dan muara. Fenomena yang kedua ialah pencairan varian yang berlaku dalam varian persisiran pantai Kelantan – Terengganu disebabkan oleh faktor sosial seperti migrasi, perkahwinan dan kegiatan ekonomi. Uniknya, dapatan ini menunjukkan bahawa penutur migrasi yang membawa varian pertuturan mereka tidak mengadaptasi dan menyerap varian asal malah mereka berperanan sebagai pempengaruh kepada varian penutur asal yang menyebabkan penutur asal perlu menyesuaikan ciri kebahasaan varian pendatang dalam varian pertuturan asal mereka. Dapatan ini sekali gus menyokong dapatan Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani (2024) yang menemukan penutur di kawasan hulu lebih cenderung untuk menyerap ciri linguistik yang dibawa oleh masyarakat hilir yang berhijrah ke kawasan mereka. Tuntasnya, dapatan dan perbincangan yang dihuraikan dalam kajian ini diharapkan menjadi nilai tambah kepada penyelidikan dialek terutamanya dialek pantai timur.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia atas sumbangan dana penyelidikan di bawah skim Fundamental Research Grant Scheme (Kod: FRGS/1/2022/SSI09/UKM/02/16).

RUJUKAN

Alir Muda (1977). Sejarah Awal Kemaman Hingga 1880. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 7, 28 - 42.

Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asmah Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (2008). *Kajian Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (Edisi Ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Britain, D. (2011). The heterogeneous homogenisation of dialects in England. *Taal en Tongval*. 63: 43-60.

Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1990). *Dialectology*. Cambridge University Press.

Eileen Sim Siew Wah & Radiah Yusoff & Solakhiah Januri. Kajian korpus frasa adverba cara Bahasa Melayu. (2019). *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia. 21-25.

Jakobs, M. & Hüning, M. (2022). Scholars and their metaphors: on Language Making in linguistics. *International Journal of the Sociology of Language*. 29–50. https://doi.org/10.1515/ijsl-2021-0017

Kerswill, P. (2003). Dialect levelling and geographical diffusion in British English. In D. Britain & J. Cheshire (Eds.), *Social Dialectology: In Honour of Peter Trudgill*. (pp. 223 – 243) Amsterdam: John Benjamins Publishing Company. https://doi.org/10.1075/impact.16.16ker

Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2019). Sebaran Leksikal 'Ular' Di Negeri Johor Berdasarkan Pengaplikasian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Dalam*Linguistik Kontemporari*. Penerbit UTHM.

Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abd. Ghani. (2024). Kontak dan perubahan dialek: tinjauan terhadap Malayik Hulu Semenanjung. *Issues in Language Studies,* 13(2), 141–161.

qMohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Hamzah. (2018). Perkembangan Islam di Kelantan: analisis terhadap manuskrip sejarah negeri Kelantan. *Jurnal al-Tamaddun.*13:2, 133-147.

Muhammad Danial Aiman Azmi, and Siti Noraini Hamzah, (2024) Variasi kata ganti nama dalam dialek Melayu di Kelantan Selatan: analisis GIS. *Jurnal Wacana Sarjana.* 8:3. 1-15.

Nasrun Alias & Rusydiah A. Salam. (2019). Kata Darjah dan Kata Penguat dalam Dialek Kelantan. *Akademika***.** 89(Isu Khas). 93-107.

Nandang Sarip Hidayat. (2014). Hubungan berbahasa, berpikir, dan berbudaya. *Sosial Budaya. Media Komunikasi Ilmu-Ilmu Sosial dan Budaya*. 11(2): 190-205.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim. (2016). Kata Adjektif dalam ujaran Masyarakat Banjar. *Journal Ilmi*. 6. 1-10.

Nor Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim. (2023). Kata adjektif dalam dialek Melayu Kedah: Satu pemerian awal. *Jurnal Melayu*. Isu Khas. 14–32.

Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020). Migrasi dan lanskap baharu dialek di Johor. *Akademika*, 90(3), 147–161.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 69 – 82.

Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Mohd. Radzi. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 16(1),109-123.Norliza Jamaludin. (2018). *Teori Sintaksis Bahasa Melayu: Penelitian Sintagmatik Sebagai Penentu Golongan Kata Sifat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Nur Sufiah Azmi & Maslida Yusof. (2020). Kata "kesangatan" dalam frasa adjektif dialek Terengganu. *Jurnal Melayu*, 19(1), 24-148.Nurul Shuhada Shafie, Shahidi A.H., Rahim Aman & Muhammad Norsyafiq Zaidi. (2023). Dialektologi bandingan varian Hulu Terengganu: Satu analisis tinjauan literatur sistematik. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 19 (2). 217–233.

Onishi, T. (2010). Analyzing Dialectological Distribution of Japanese. *Dialectologia*, Special Issue I, 123-135.

Onishi, T. (2007). Application of GIS Technology to Studies in Japanese Dialectology. *Linguistica Atlantica*, 28, 3–19.

Pejabat Tanah dan Galian Setiu. (2014). Latar Belakang daerah Setiu. https://ptg.terengganu.gov.my/portal/web/setiu/sejarah

PlanMalaysia. (2022). *Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara – 2: Bab 2 – Deskripsi Zon Persisiran Pantai*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

Roberts, G. & Sneller, B. (2020). Empirical foundations for an integrated study of language evolution. *Language Dynamics and Change*. 10(2): 188-229.

Shahidi A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman & Muhamad Syahmi Shabri. (2020). Pemetaan isoglos varian dialek Terengganu berasaskan aplikasi sistem maklumat geografi. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 179-196.

Shahidi, A. H. & Muhammad Firdaus. (2024). *Merunut Varian Lembangan Sungai Terengganu: Aplikasi Sistem Maklumat Geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2017). Migrasi masyarakat luar dan pengaruh dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 1- 34

Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz & Mohd Sharifudin Yusop. (2017). Pelestarian dialek Kelantan di Besut dan kaitannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 145- 173.

Yusniza Yaakub, Hishamudin Isam & Faizah Ahmad. (2022). Ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan penutur dialek Kedah berdasarkan kategori umur. *Journal of Human Development and Communication*, 11, 95 -105.

Zarina, N. & Durdona, K. (2025). Sociolinguistics and language change: factors and influences to the evolution of language. *Central Asian Journal Of Multidisciplinary Research And Management Studies*. 2(3): 157-160.

PENULIS:

SHAHIDI A.H (Penulis koresponden)
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: zedic@ukm.edu.my

NURUL SHUHADA SHAFIE
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

FATEEN NABILLA RASLI
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

MD. SHAFIIN SHUKOR
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia